

# **TRANSISI EKONOMI DALAM MASYARAKAT MELAYU: EKONOMI WANG ERA PERMULAAN KAPITALISME DI TANAH MELAYU**

*A Rahman Tang Abdullah  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah  
dr.harta@gmail.com*

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan perkembangan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu setelah berlakunya proses perubahan ekonomi yang berorientasikan ekonomi kapitalisme pada pertengahan kedua abad ke-19 dan pertengahan pertama abad ke-20. Dalam konteks sejarah pada tempoh tersebut, unsur utama alam perubahan orientasi daripada ekonomi sara diri kepada komersialisme ialah *surplus* atau lebihan yang dimanifestasikan sebagai ekonomi wang yang mula menular dalam masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, makalah ini akan menumpukan aspek tersebut, didahului dengan perbincangan berkaitan dengan marginalisasi ekonomi wang dalam zaman pra-kapitalisme. Ia kemudiannya akan dituruti dengan isu berkaitan kewangan dalam proses perubahan ekonomi yang diaplikasikan kepada guna tenaga buruh, orientasi tanaman komersial dan kemudahan kredit pertanian. Aspek terakhir yang dibincangkan di sini ialah dilema dan dinamisme dalam ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu.

**Kata kunci:** *Ekonomi wang, kapitalisme, Tanah Melayu, transisi ekonomi, masyarakat Melayu.*

## **Abstract**

*This article discusses the penetration of money economy into the Malay society as a result of the economic change derived from capitalism in the second half of the 19th and the first half of the 20th centuries. In the historical context during the period, the main element in the changing orientation from subsistence to commercialism was the surplus manifested as money economy which began*

*to penetrate into the Malay society as a whole. Hence, this article focuses on this particular aspect which preceded by discussion on the marginalization of money economy in pre-capitalist period. It is then followed by related issue to money in the process of economic change applied to labour utilization, commercial plantation orientation and agricultural credit facilities. The last aspect discussed here is the dilemma and dynamism in money economy in the Malay society.*

**Keywords:** Money economy, capitalism, Malaya, economic transition, Malay society.

## Pengenalan

Secara umumnya, para sejarawan telah memperaku bahawa sejak pertengahan abad ke-19 hingga tahun 1941, masyarakat Melayu telah mengalami satu proses transisi dalam aspek ekonomi. Dalam konteks sejarah pada tempoh ini, realiti proses perubahan ekonomi diaplikasikan kepada proses transformasi ekonomi daripada orientasi tradisional kepada pengadaptasian orientasi ekonomi moden yang berasaskan kepada komersialisme yang didasarkan kepada kapitalisme (North, 2005: 1 – 9). Proses transformasi ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu lebih sesuai diaplikasikan sebagai peralihan atau transisi, bukannya perubahan. Perkataan transisi di sini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu secara keseluruhannya mengalami satu perubahan ekonomi daripada sara diri kepada komersial yang tidak drastik. Keadaan ini menggambarkan bahawa perubahan ekonomi dari sudut orientasi dan manifestasinya dianggap sebagai kurang ketara. Andaian ini berdasarkan kepada pencapaian ekonomi masyarakat Melayu secara keseluruhannya yang jauh ketinggalan dalam arus kemajuan ekonomi jika dibandingkan dengan golongan kapitalis Eropah dan masyarakat imigran terutama kaum Cina.

Hal ini disebabkan reaksi orang Melayu terhadap perubahan corak dan orientasi ekonomi berskala besar lebih lambat berbanding masyarakat imigran. Keadaan ini boleh dilihat sekiranya perbincangan dijuruskan pada pertengahan kedua abad ke-19 dan awal abad ke-20 dengan memberi fokus dalam aspek-aspek pertanian, perniagaan dan perdagangan. Bagi orang Melayu, jangka masa ini adalah satu jangka masa formatif sekiranya aspek perubahan ekonomi

secara moden dalam kalangan mereka diambil kira. Tanggapan ini berasaskan kepada satu fenomena yang jelas apabila masyarakat Melayu termasuk golongan rakyat telah mula meninggalkan amalan dan orientasi ekonomi tradisional. Mereka mula menyesuaikan diri dengan keadaan dan zaman baharu dengan menerokai peluang ekonomi yang memungkinkan mereka mencapai mobilisasi ekonomi secara menegak ke tahap kelas menengah walaupun jumlah mereka masih terlalu kecil berbanding dengan golongan imigran. Sementara itu, golongan atasan pula masih meneruskan penguasaan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu dengan menjalinkan urusan dengan pihak pemerintah penjajah dan saudagar imigran termasuk golongan Cina dan Arab.

Dalam konteks sejarah pada tempoh tersebut, unsur utama dalam perubahan orientasi daripada tradisional kepada komersialisme ialah surplus atau lebihan yang dimanifestasikan sebagai ekonomi wang yang mula menular dalam masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, makalah ini akan memfokuskan aspek tersebut yang didahului dengan perbincangan berkaitan dengan marginalisasi ekonomi wang dalam zaman pra-kapitalisme. Ia kemudiannya akan dituruti dengan aspek kewangan dalam proses perubahan ekonomi yang diaplikasikan kepada guna tenaga buruh, orientasi tanaman komersial dan kemudahan kredit pertanian. Makalah ini akan diakhiri dengan perbincangan berkenaan dilema dan dinamisme dalam ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu.

### **Marginalisasi Ekonomi Wang dalam Zaman Pra-Kapitalisme**

Dalam masyarakat Melayu zaman pra-kapitalisme, orientasi dan amalan ekonomi wang adalah sangat terhad terutama dalam kalangan rakyat. Kegiatan urus niaga yang menggunakan mata wang adalah terhad kerana kebanyakan kawasan kampung yang terpencil bersaiz kecil boleh dikatakan tidak mempunyai kedai runcit. Lazimnya, kedai-kedai runcit terdapat di perkampungan yang agak padat jumlah penduduknya dan kebiasaannya terletak di tepi sungai seperti di Ulu Kelantan, atau kawasan yang berhampiran dengan pantai dan merupakan kawasan penanaman padi seperti Kuala Kedah (Gullick, 1991: 138 – 9).

Secara umumnya, aspek ekonomi wang di kampung lazimnya dikaitkan dengan golongan pedagang, peruncit, penjaja dan tukang. Namun, fenomena ini hanya terdapat di kawasan perkampungan besar yang mempunyai bilangan keluarga yang banyak. Dalam situasi itu, dalam kalangan golongan rakyat, ekonomi wang adalah terhad dan kebanyakan urus niaga di kawasan kampung dilakukan melalui sistem barter atau tukar barang. Kebanyakan urus niaga ini adalah untuk memperoleh barang yang tidak dihasilkan oleh mereka sendiri seperti kain, garam, ikan masin, gambir dan tembakau serta beras (Sharom Ahmad, 1984: 17).

Secara realitinya, *surplus* yang berbentuk barang tidak begitu memberikan nilai yang sepadan dari sudut pandangan kaum tani. Sebagai contoh, nilai sehelai kain mungkin akan terpaksa ditukarkan dengan kuantiti beras yang besar di kawasan perkampungan yang mengusahakan tanaman padi. Kain merupakan barang yang sangat diperlukan kerana tidak dihasilkan oleh penduduk kampung. Oleh kerana mereka tidak mempunyai wang dan tiada penanda aras kepada harga kain dan beras, maka urus niaga sedemikian lebih menguntungkan pihak peniaga atau sesiapa sahaja yang mempunyai kuasa penentu mengikut nilai wang. Proses penentuan nilai barang dan perkhidmatan (khususnya tenaga buruh) dalam bentuk nilai wang adalah dirujuk sebagai ‘reifikasi.’ Dalam perkataan lain, ia merupakan tanggapan sesuatu yang bersifat abstrak menjadi sesuatu yang konkret atau material melalui proses pertukaran atau jual beli (Perry, 2002: 79 – 84 dan Fine & Saad-Filho, 2012: 369 – 70).

Namun begitu, pada pertengahan abad ke-19, sudah terdapat satu kecenderungan bahawa kebanyakan barang tersebut lebih mudah untuk diperoleh melalui urus niaga wang berbanding dengan tukar barang. Hal ini disebabkan barang seperti kain dan garam sememangnya merupakan keperluan yang semakin banyak kuantitinya dan terpaksa dibawa dari luar, menyebabkan kadar pertukaran barang tempatan di kawasan perkampungan jauh lebih rendah berbanding dengan kedua-dua barang tersebut.

Perkembangan ini memperlihatkan bahawa ekonomi wang bertambah mustahak dan mula menjadi mekanisme yang penting dalam proses transformasi ekonomi dalam masyarakat Melayu. Proses transformasi ini

dikaitkan dengan penterjemahan lebihan kepada nilai kewangan yang mula berkembang dalam kalangan rakyat. Malahan, sebenarnya golongan tani sememangnya telah lama mengetahui dan menggunakan wang sebagai pengantara urus niaga tetapi dalam skala yang sangat marginal. Situasi ini dapat diperhatikan menerusi kewujudan wang syiling perak, tembaga dan timah dalam kalangan orang Melayu sejak zaman berzaman walaupun sebahagian besar urus niaga dijalankan dalam sistem barter (Elson, 1997: 17).

Antara mata wang yang begitu popular dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu pada abad ke-19 ialah kupang, duit, jokoh dan pitis, atau istilah sen dan ringgit. Golongan rakyat juga tahu tentang wang emas walaupun ia hanya dimiliki secara eksklusif oleh raja dan golongan pembesar atasan serta para pedagang yang berurusan dengan pihak pemerintah. Mata wang yang paling meluas di Tanah Melayu pada abad ke-19 ialah mata wang yang ditempa dengan timah. Namun begitu, nilai sebenar mata wang ini adalah rendah, malahan lebih rendah daripada nilai yang tercetak pada muka mata wang tersebut. Sebagai contoh, nilai mata wang timah Terengganu pada tahun 1890-an adalah tidak sampai 20 peratus berbanding nilai yang tercetak padanya (Clifford, 1992: 76 – 80).

Penggunaan wang selalunya melibatkan golongan atasan atau pemerintah yang juga sering mengadakan urusan perniagaan dengan orang imigran Arab, India Islam dan Cina. Golongan pemerintah Melayu mempunyai kuasa dan kawalan yang penuh terhadap rakyat dan juga golongan buruh dalam kalangan orang Cina yang sudah pun berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-19. Penguasaan terhadap golongan ini boleh diterjemahkan daripada kewujudan penguasaan pembayaran cukai mereka. Cukai yang paling utama dan asas ialah cukai hasil, iaitu cukai raja yang selalunya berdasarkan kepada 10 peratus daripada hasil tuaian padi dan perlombongan bijih timah. Namun begitu, cukai raja ini selalunya dibayar dalam bentuk barang, sama ada padi atau timah. Konsep cukai raja ini masih diamalkan di kawasan Muar pada dekad 1870-an (Mohd. Fadzil Othman, 1980: 35 – 135). Konsep sama yang memperuntukkan cukai hasil sebanyak 10 peratus terhadap hasil ini juga diamalkan oleh pihak pentadbiran British di Melaka pada abad ke-19 (Kratoska, 1982: 500 – 20).

Cukai berbentuk wang dipraktikkan sebagai cukai eksport bijih timah dan barang yang dihasilkan, manakala cukai import dikenakan kepada candu, arak, beras dan barang dagangan lain yang digunakan oleh mereka (Nonini, 1991: 18). Selain itu, penggunaan wang secara eksklusif juga terdapat dalam urusan pajakan hasil yang dimeterai antara raja dan pembesar Melayu dengan orang Cina seperti penanaman padi di Kedah, perkebunan gambir dan lada hitam di Johor dan perlombongan bijih timah di Perak dan Selangor. Urus niaga pajakan ini selalunya dibayar untuk tempoh satu atau beberapa tahun bagi setiap satu urusan perjanjian. Sebaliknya, golongan rakyat jarang mendapat peluang untuk berurusan dalam bentuk wang. Lazimnya, dalam kerja tuaian padi, mereka hanya akan dibayar upah atas dasar jumlah bahagian hasil tuaian tersebut sekiranya mereka mengerjakan hasil tuaian orang lain yang juga biasanya tinggal dalam kawasan kampung yang sama. Peluang memperoleh upah dalam bentuk wang hanya terdapat dalam sektor perlombongan sekiranya mereka terlibat sebagai buruh tetapi ia biasanya diusahakan secara sambilan (Khoo, 1972).

Situasi ini adalah disebabkan aktiviti perlombongan yang sebenarnya tidak memperlihatkan prospek menarik bagi orang Melayu. Kawasan perlombongan merupakan kawasan hutan yang terpencil dari kehidupan kampung. Tambahan pula, kegiatan perlombongan seperti bijih timah merupakan jenis pekerjaan yang menggunakan guna tenaga tinggi berbanding dengan kegiatan pertanian atau menangkap ikan berskala sara diri. Tambahan pula, kegiatan perlombongan juga tidak menjanjikan upah pendapatan yang besar berbanding dengan pertanian dan menangkap ikan.

Oleh sebab sistem ekonomi wang ini lebih tertumpu kepada golongan pemerintah, maka kejayaan dan kegagalan orang Melayu secara umumnya untuk menyambut perubahan orientasi ekonomi yang sedang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu bergantung pada kesediaan dan kemampuan mereka. Mereka jugalah yang seharusnya bertindak untuk memberikan inspirasi dan peluang kepada golongan rakyat untuk terlibat dalam proses transisi ekonomi. Namun begitu, dari sudut ini, golongan pemerintah Melayu lebih cenderung untuk menjalankan usaha sama dengan golongan imigran yang telah pun terlibat kepada ekonomi wang berbanding dengan golongan rakyat Melayu pada masa itu.

Fenomena ini boleh dilihat kepada dua kes yang nyata. Pertama, di Kedah, orientasi penanaman padi secara komersial telah diberikan kepada orang Cina oleh Sultan Kedah pada akhir abad ke-19. Hal ini disebabkan golongan pemodal Cina mampu menawarkan bayaran pajakan hasil kepada Sultan untuk tempoh yang telah ditetapkan antara Sultan dan pemodal tersebut (Sharom Ahmad, 1984: 19 – 27). Kedua, di Johor, terdapat penjalinan usaha niaga antara pihak pemerintah Temenggung dan golongan Arab Sayid dan Cina dalam kegiatan perniagaan, pertanian dan perlombongan di negeri Johor pada pertengahan kedua abad ke-19 (Trocki, 1979: 153 – 77).

Dalam hal sedemikian, kes penglibatan golongan imigran Cina dalam sektor penanaman padi di Kedah boleh dikatakan mempunyai kesan langsung kepada masyarakat Melayu berbanding dengan penglibatan komuniti imigran dalam sektor ekonomi perladangan, perniagaan dan perlombongan di Johor. Hal ini demikian kerana sektor penanaman padi telah lama menjadi kegiatan asas dan sudah sebatи dengan kehidupan sosioekonomi dan budaya masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Walaupun secara keseluruhannya penanaman padi ini dikatakan berorientasikan ekonomi sara diri, ia sebenarnya juga diusahakan untuk mendapatkan lebihan atau pulangan ekonomi (*surplus*). Namun begitu, sektor penanaman padi yang diusahakan oleh masyarakat Melayu tradisional hanya menghasilkan lebihan ekonomi yang kecil dan tidak memberikan pulangan ekonomi yang lebih besar sebagaimana yang boleh diperoleh dari pajakan hasil yang disumbangkan oleh komuniti Cina. Sementara itu, kes di Johor hanya merupakan sektor ekonomi baharu seperti perladangan lada hitam dan gambir yang tidak berkaitan dengan masyarakat Melayu tradisional pada ketika itu. Kesediaan golongan aristokrat untuk membuka peluang kepada penglibatan dan dominasi komuniti imigran ini adalah berdasarkan kepada kecenderungan dan matlamat ekonomi yang berorientasikan lebihan ekonomi dalam bentuk wang.

Keadaan sedemikian tidak mendorong kepada peluang untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi wang dalam kalangan golongan rakyat. Bagi golongan ini, peluang yang terhad hanya semata-mata terdapat dalam bentuk bayaran upah yang kecil dan tidak tetap. Jumlah yang kecil dan tidak tetap ini hanya sekadar cukup untuk membeli barang keperluan harian yang tidak dihasilkan oleh mereka. Keadaan ini tidak mewujudkan peluang untuk

mendapatkan lebihan atau *surplus* yang berkemungkinan untuk dijadikan sebagai modal untuk bermula. Malah, keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa bergantung pada pembiayaan modal dalam kalangan pembesar tetapi peluang ini tidak terbuka luas kepada golongan rakyat. Oleh hal yang demikian, bagi golongan ini, peluang menjadi peniaga walaupun secara kecil-kecilan amat sukar dan elusif pada ketika itu.

Sebenarnya, agak sukar untuk membayangkan kemungkinan seseorang pembesar untuk menyediakan modal permulaan kepada mereka. Sikap ini bukan hanya disebabkan oleh sikap rendah diri kepada mereka tetapi juga berdasarkan kerana tidak ada kebolehan dan pengalaman bermula yang lebih berorientasikan merkantilisme dalam kalangan rakyat. Secara umumnya, merkantilisme dari sudut sejarah ialah satu doktrin ekonomi yang diamalkan di Barat setelah keruntuhan feudalisme. Ia melibatkan kawalan pihak pemerintah terhadap perusahaan domestik, mempertingkatkan eksport ke wilayah asing dan menambahkan simpanan emas dan perak dalam negara. Fenomena ini dikatakan wujud sebelum kemunculan kapitalisme di Barat. Namun begitu, dapat diperhatikan bahawa fenomena ini juga telah wujud dan diamalkan secara meluas di rantau lain di dunia termasuk Arab, India dan Cina (Ekelund & Hebert, 2007: 44 – 63).

Melihat kepada keadaan masyarakat Melayu di peringkat bawah pada zaman pra-penjajahan ini, konsep dan amalan merkantilisme ini sangat marginal kerana melibatkan kegiatan perniagaan dan perdagangan. Ia mestilah dalam erti kata urus niaga yang bermatlamatkan keuntungan atau menambah *surplus*. Justeru, ia perlu dilihat dalam konteks perniagaan dan pemilikan modal. Namun begitu, kegiatan ini lebih tertumpu kepada lokasi pusat perdagangan sesebuah kerajaan dan lebih bersifat keserantauan, bukannya di peringkat ekonomi dalaman kampung (Jomo Kwame Sundaram, 1986: 137 – 8). Urus niaga tukar barang yang lazimnya hanya untuk memenuhi keperluan harian tidak termasuk dalam konteks yang dimaksudkan ini.

Jika terdapat segolongan daripada mereka yang ingin berusaha keras, mereka hanya mampu muncul sebagai peniaga kecil di kawasan pasar, pekan atau bandar yang berhampiran dengan tempat tinggal raja. Keadaan ini boleh dirujuk kepada penglibatan golongan peniaga kecil termasuk wanita seperti

yang terdapat di Kelantan pada abad ke-19. Namun begitu, sumbangan mereka tidak memberikan impak besar yang membawa kepada perkembangan kemahiran perniagaan mereka yang memerlukan perkembangan modal. Oleh hal yang demikian, perniagaan akan terus dikuasai oleh golongan imigran dan pemerintah yang terlibat dalam ekonomi wang.

Keadaan ini menunjukkan bahawa mobilisasi ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional dalam kalangan rakyat tidak berlaku secara menegak sebaliknya secara mendatar. Mobilisasi ekonomi secara menegak merujuk kepada situasi apabila golongan rakyat yang miskin dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka ke tahap yang lebih baik sehingga mereka boleh muncul sebagai golongan yang dikatogerikan sebagai golongan kelas menengah dalam ekonomi moden. Dalam konteks ini, kegagalan melonjakkan diri seseorang petani atau nelayan ke taraf ekonomi yang lebih baik disifatkan sebagai mobilisasi ekonomi mendatar.

Namun dari satu sudut pandangan yang lain pula, boleh dikatakan bahawa golongan rakyat sebenarnya tidak bergantung kepada golongan atasan dalam aspek ekonomi harian sekiranya tidak ada kawalan sosiopolitik secara tradisi ini. Malahan, mereka sebenarnya yang telah banyak menyumbang kepada golongan atasan dalam bentuk percukaian dan sumbangan tenaga melalui sistem kerah. Sebaliknya, golongan atasan terutama kerabat raja sebenarnya terkecuali daripada sistem percukaian (Gullick, 1992: 208). Kebergantungan golongan rakyat kepada golongan atasan sebenarnya adalah kerana mereka tidak memiliki *surplus* yang besar atau tidak dapat menterjemahkan *surplus* mereka dalam bentuk kewangan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh taraf sosial yang rendah sebagai rakyat dan tertakluk kepada monopoli ekonomi yang dikuasai oleh golongan atasan yang mempunyai hegemoni politik dalam masyarakat. Di sinilah terletaknya keperluan bagi golongan rakyat untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka. Namun, peluang sebegini adalah terbatas dalam konteks sosioekonomi tradisional.

Andaian ini adalah berdasarkan kepada situasi komuniti imigran yang mempunyai kelebihan ekonomi dan dapat berinteraksi dengan golongan atasan. Justeru, situasi ini menjadikan mereka tidak tertakluk kepada tanggungjawab perburuan seperti kerah dan dalam konteks sosial tradisional,

ia boleh dianggap sebagai suatu keistimewaan yang tidak dinikmati oleh rakyat biasa. Malahan, kedudukan ini telah membolehkan mereka menguasai ekonomi golongan rakyat kerana mereka berjaya memanfaatkan *surplus* untuk tujuan ekonomi yang dimanifestasikan dengan imej kekayaan yang diterjemahkan dalam bentuk wang.

Sebaliknya, fenomena ekonomi menegak dalam kalangan golongan atasan boleh diperhatikan daripada pertambahan tahap ekonomi mereka hasil daripada orientasi merkantilisme yang dijalinkan dengan golongan imigran. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa orientasi ekonomi merkantilisme yang berkait rapat dengan golongan atasan merupakan asas permulaan kepada proses kesedaran dan transisi atau peralihan dalam masyarakat Melayu itu sendiri.

### Kesedaran dan Peralihan

Perlu ditegaskan di sini bahawa tumpuan yang paling penting dalam konteks perkembangan sejarah pada tempoh ini lebih merujuk kepada peralihan orientasi ekonomi daripada tradisional kepada moden. Perubahan yang berlaku terhadap masyarakat Melayu dalam konteks ini merujuk kepada penglibatan mereka dalam bidang pertanian daripada sara diri kepada komersialisme. Dalam erti kata yang lain, proses pertanian ini dikaitkan dengan pertambahan *surplus*. Perubahan orientasi yang lebih cenderung kepada kapitalisme boleh dilihat dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Ketiga-tiga bidang tersebut sememangnya telahpun diceburi oleh orang Melayu sejak zaman prapenjajahan British (Drabble, 2000: 9 – 20).

Namun begitu, sebagaimana yang diketahui umum, penglibatan masyarakat Melayu dalam bidang perniagaan dan perdagangan hanya terhad kepada golongan pemerintah, bukannya golongan rakyat. Hal ini disebabkan ekonomi golongan rakyat sebahagian besarnya tidak bersandarkan kepada ekonomi wang kerana mereka hanya terlibat dalam aktiviti pertanian yang kurang menggunakan wang dalam urus niaga. Malahan, pemilikan hasil pertanian dan tanah tidak memberikan kelebihan kepada mereka untuk mengorientasikan diri mereka dengan ekonomi wang kerana peluang untuk memegang wang sebagai lebihan dan simpanan adalah sukar. Hal ini telah diketengahkan oleh J. M. Gulllick yang menyatakan bahawa adalah sukar

untuk membayangkan bahawa petani Melayu dapat memegang 10 ringgit pada penghujung abad ke-19 (Gullick, 1991: 84 – 5).

Oleh hal yang demikian, ia memberikan gambaran umum bahawa proses transisi ini lebih tertumpu kepada golongan pemerintah yang terdedah kepada ekonomi wang. Golongan pemerintah di peringkat bawahan, iaitu penghulu dan ketua kampung juga dapat merasakan kesan positif daripada perkembangan kapitalisme ini sekiranya mereka tahu mengambil peluang yang tersedia. Sebaliknya, golongan rakyat masih kekal sebagai petani atau nelayan. Agak sukar juga bagi golongan rakyat untuk melibatkan diri dalam perniagaan kecil-kecilan seperti kedai runcit dan penjaja memandangkan jumlah mereka masih terlalu kecil. Kekangan utama ialah ketiadaan peluang permodalan. Faktor ini disebabkan ketiadaan institusi kewangan yang menyediakan kemudahan kewangan kepada mereka.

Tidak dinafikan bahawa antara aspek ekonomi yang dapat menunjukkan perkembangan masyarakat Melayu pada ketika itu ialah bidang penanaman padi, getah, kelapa dan tanaman lain secara perkebunan kecil. Perkembangan ini sering dikaitkan dengan terdapatnya amalan ekonomi wang yang menggantikan sistem barter apabila hasil yang boleh diterjemahkan ke dalam bentuk wang melalui urus niaga. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membuka ruang kepada sebahagian kecil masyarakat Melayu yang melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan dan perdagangan secara kecil-kecilan seperti penjaja, peniaga kecil runcit, orang tengah atau broker.

Perkembangan ini sebenarnya didorong oleh penubuhan institusi moden seperti koperasi atau syarikat kerjasama dalam kalangan masyarakat Melayu umumnya dan golongan tani di luar bandar khususnya pada awal abad ke-20. Walaupun keberkesanannya masih di peringkat minimal, ia telah membuka jalan ke arah memberi pendedahan kepada golongan rakyat tentang konsep dan aplikasi tabungan, pinjaman dan pelaburan yang merupakan tiga ciri utama dalam ekonomi wang. Namun begitu, saluran ini bukanlah faktor semerta yang dapat mentransformasikan aspek ekonomi golongan rakyat ke arah ekonomi wang kerana pegangan wang dalam kalangan rakyat ketika itu adalah sangat terhad. Sedangkan seperti yang telah dinyatakan, mereka sebenarnya telah mempunyai *surplus* yang berbentuk bukan kewangan.

## **Utilisasi Guna Tenaga Buruh**

Dalam keadaan sedemikian, salah satu faktor yang dikenal pasti dapat membantu proses transisi ekonomi orang Melayu di peringkat bawah secara realistiknya ialah perubahan guna tenaga. Kaedah yang paling realistik bagi golongan rakyat Melayu untuk mengorak langkah pertama ke arah ekonomi wang ialah menterjemahkan sumber bukan kewangan mereka ke dalam bentuk hasil wang. Aspek yang paling asas dalam konteks bukan kewangan ini ialah tenaga buruh. Sebenarnya, guna tenaga buruh merupakan aspek yang paling penting dalam proses pengeluaran tetapi lazimnya tidak dianggap begitu ketara kerana ia bersifat abstrak, bukannya bersifat konkrit seperti tanah dan modal.

Persoalannya di sini ialah sejauh manakah guna tenaga diterjemahkan kepada ekonomi wang? Secara prinsip, guna tenaga diperlukan dalam semua kegiatan ekonomi sama ada sara diri mahupun ekonomi pasaran. Namun, dalam kegiatan ekonomi sara diri, tenaga buruh ini tidak dikaitkan dengan bayaran upah. Hal ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa tenaga buruh adalah diperoleh daripada ahli keluarga sendiri yang tidak dibayar upah. Sekiranya ia melibatkan bayaran upah tenaga buruh, maka ia tidak lagi ditakrifkan sebagai sara diri (Puthucheary, 2004: 2).

Oleh hal yang demikian, guna tenaga dalam masyarakat Melayu pada zaman pra-kapitalisme tidak semestinya tergolong dalam takrif sara diri ini. Pada umumnya, hanya guna tenaga persendirian yang termasuk dalam takrifan ini kerana tidak tertakluk kepada nilai wang upah atau reifikasi. Selainnya, guna tenaga dalam kegiatan ekonomi orang Melayu secara tradisional yang dieksplotasikan melalui sistem kerah dan institusi perhambaan tidak boleh dianggap sebagai sara diri kerana menyumbang kepada lebihan ekonomi kepada satu pihak yang lain. Hal ini seolah-olahnya telah dibantu oleh dasar pentadbiran British yang telah menghapuskan institusi perhambaan dan kerah (Yegar, 1975: 207 – 15).

Secara praktiknya, keadaan ini telah memberi peluang kepada orang Melayu untuk menumpukan guna tenaga mereka secara persendirian, sama ada bekerja sebagai petani untuk mengusahakan tanah pertanian atau

mengambil upah. Peluang ini seolah-olah tersedia pada dekad 1880-an dalam sektor perlombongan dan perladangan yang diketahui umum pada ketika itu diusahakan secara komersial oleh pemodal Cina dan Eropah. Namun begitu, orang Melayu pada ketika itu tidak begitu gemar menerima pekerjaan bergaji tetap dalam kedua-dua sektor tersebut. Faktor utama yang menyebabkan keengganan mereka ialah sikap mereka yang mahu tinggal tetap di kampung dan tidak terpisah daripada keluarga dan komuniti perkampungan mereka (Hill, 1879: 2).

Satu realiti yang perlu difahami di sini ialah kawasan perladangan dan perlombongan ini adalah kawasan hutan yang belum diterokai dan terpisah dari petempatan dan kehidupan perkampungan Melayu. Keadaan kehidupan di kawasan perlombongan yang tidak memuaskan dikatakan menjadi satu lagi faktor penting yang tidak menarik minat mereka menceburkan diri sebagai buruh dalam sektor tersebut. Keadaan persekitaran yang jauh sekali berbeza dengan suasana perkampungan ini juga serta kadar upah yang dianggap terlampaui rendah bagi kebiasaan kehidupan mereka. Dikatakan bahawa jumlah upah seperti mana yang dibayar kepada buruh perlombongan Cina yang juga terpaksa hidup dalam keadaan yang teruk dianggap menyerupai kehidupan hamba (Bach, 1976: 470).

Oleh hal yang demikian, pada ketika itu, orang Melayu lebih gemar bekerja sebagai buruh untuk tempoh yang singkat, terutama mengambil upah untuk membersihkan hutan, menebang kayu dan mengutip barang hutan yang sesuai untuk digunakan dalam pembinaan tempat tinggal sementara di kawasan perlombongan (Sadka, 1968: 325). Kecenderungan ini sebenarnya berkait rapat dengan kehidupan orang Melayu yang mahir dalam kerja penebangan pokok besar yang sebenarnya begitu merbahaya. Situasi ini menggambarkan bahawa pola utilisasi tenaga buruh orang Melayu tidak begitu jauh berbeza dengan kegiatan membuka hutan yang dilakukan sebelum ini. Tetapi, tenaga buruh bagi kegiatan pembukaan hutan untuk tujuan perlombongan atau perladangan komersial juga telah diceburi oleh golongan imigran dari Sumatera, Banjarmasin dan Jawa pada pertengahan kedua abad ke-19.

Walau apa pun tanggapan yang wujud tentang penglibatan secara perburuhan dalam sistem komersial ini, ia boleh menjadi satu perkembangan yang positif sekiranya guna tenaga buruh ini diutilisasikan untuk tujuan meneroka tanah baharu bagi tujuan pertanian. Perkembangan ini ditambah lagi dengan perubahan konsep pemilikan tanah baharu yang diperkenalkan oleh pemerintah yang kemudiannya telah membawa kesan yang besar walaupun secara perlahan-lahan kepada golongan petani juga kemudiannya dihubungkan dengan ekonomi kewangan dalam kehidupan dan kegiatan harian mereka.

### **Orientasi Tanaman Komersial**

Realitinya, amalan komersialisme dalam ekonomi Melayu boleh dimanifestasikan dalam sektor pertanian dan ternakan. Aspek utama yang menunjukkan pengamalan dan orientasi ekonomi pertanian dalam kalangan orang Melayu ialah penanaman padi. Masyarakat Melayu sebenarnya mempunyai perkaitan yang rapat dengan sektor penanaman padi pada zaman kolonialisasi. Hal ini disebabkan pihak pemerintahan kolonial British mempunyai satu dasar yang memperuntukkan sektor padi kepada orang Melayu semenjak akhir abad ke-19 walaupun pada masa yang sama, tidak terdapat sebarang undang-undang yang melarang orang bukan Melayu untuk terlibat dalam sektor tersebut (Ding Eing Tan Soo Hai, 1963: 17 – 9). Namun begitu, pihak British juga mempunyai satu dasar yang tidak menggalakkan orang India dan Cina untuk terlibat dalam sektor tersebut dan tindakan ini telah mendapat sokongan yang padu daripada pemimpin-pemimpin Melayu (Lim, 1967: 165). Namun begitu, dapat diperhatikan bahawa dasar ini tidak begitu membantu perkembangan sektor padi dalam kalangan Melayu.

Walaupun begitu, kegiatan ini juga tidak semestinya menafikan potensi untuk menghasilkan lebihan keluaran. Sebagai contoh, Kedah menjadi negeri pengeksport padi sama ada pada zaman prapenjajahan dan penjajahan (Nonini, 1991: 24). Negeri Terengganu dan Kelantan juga pernah menjadi pengeksport padi pada pertengahan pertama abad ke-19 (Khoo, 1992: 96 – 7). Kenyataan ini menunjukkan bahawa penanaman padi merupakan satu sektor yang sebenarnya tidak terhad kepada orientasi sara diri. Malahan, padi telah diusahakan sebagai sektor yang menghasilkan lebihan dan mempunyai

nilai ekonomi untuk dikembangkan ke arah pengkomersialan. Oleh hal yang demikian, penanaman padi sebenarnya telah menjadi ekonomi merkantalisme sebelum gelombang kapitalisme menular ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-19.

Maka, boleh dikatakan bahawa pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, sektor penanaman padi dalam kalangan masyarakat Melayu secara keseluruhannya berada di tahap sara diri dan tidak boleh dianggap telah mencapai tahap komersial. Generalisasi ini adalah berdasarkan kepada saiz sawah individu yang kecil dan hasil pengeluarannya yang kurang memberangsangkan. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada perbandingan dengan sektor penanaman padi di Myanmar (Burma) dan Thailand (Siam) yang telah diusahakan sebagai kegiatan ekonomi tunggal yang menghasilkan pengeluaran besar-besaran sehingga dapat dijual sebagai hasil eksport ke pasaran dunia.

Tambahan pula, penanaman padi secara besar-besaran memerlukan kewujudan sistem pengairan yang baik pada sepanjang masa dan kos selenggaraan yang besar. Kos pembinaan dan penyelenggaraan sistem pengairan dan empangan air yang moden hanya boleh diperoleh daripada pembiayaan kerajaan negeri. Pihak pelabur swasta tidak tertarik untuk membayai projek-projek tersebut kerana penanaman padi tidak begitu menguntungkan jika dibandingkan dengan tanaman komersial yang lain. Tambahan pula, tanaman ini kemungkinan terdedah kepada risiko kemasuhan yang boleh berlaku dari peringkat semai sehingga tuaian. Satu kemungkinan yang paling memeritkan ialah kerosakan padi pada musim tuaian yang disebabkan banjir (Hill, 1982: 550 – 5).

Sebaliknya, berbanding dengan tanaman padi, tanaman lain seperti kopi dan getah adalah lebih menguntungkan kerana kedua-dua tanaman tersebut lebih mudah dijaga dan tidak melibatkan sistem dan kos pengairan yang besar. Malahan, pihak pemerintah tidak menganggap pembiayaan projek pengairan dan empangan air bagi penanaman padi sebagai tuntutan utama. Dasar ini tidak membantu nasib orang Melayu kerana pada dasarnya mereka digalakkan melibatkan diri dalam sektor tersebut. Hal ini demikian kerana pentadbiran British lebih cenderung mengimport beras dari luar terutama Siam

dan Burma kerana harganya lebih murah berbanding dengan kos pengeluaran padi tempatan (Lim, 1977: 39 – 49).

Sepatutnya, kesukaran memperluaskan tanaman padi kepada orientasi komersialisme secara keseluruhannya tidak menutup peluang orang Melayu ke arah mempertingkatkan ekonomi mereka. Dengan mengambil kira tradisi masyarakat Melayu itu sendiri, masih terdapat ruang bagi mereka untuk mengamalkan orientasi komersialisme melalui kegiatan tanaman lain dan ternakan. Andaian ini adalah realistik memandangkan kaum tani Melayu juga didapati telah terlibat dengan penanaman sayur-sayuran, kelapa dan pinang serta ternakan seperti ayam, itik, kerbau, lembu dan kambing. Namun begitu, kedua-dua sektor ini juga masih terhad kepada kegiatan sampingan dan kecil-kecillan walaupun mempunyai prospek untuk diperkembangkan kepada orientasi komersialisme. Keadaan ini mungkin disebabkan kekurangan modal kewangan dan saiz tanah yang besar. Tambahan pula, kekurangan modal dan kemudahan memperoleh tanah bersaiz besar tidak terbuka kepada orang Melayu pada ketika itu.

Orang Melayu terpaksa menggunakan segala peluang yang ada untuk menukar orientasi ekonomi mereka kepada komersialisme secara kecil-kecilan. Secara praktiknya, perpindahan orientasi ke arah komersial lebih merujuk kepada penanaman komersial untuk memenuhi pasaran dunia yang bukannya merupakan tanaman makanan ruji. Orientasi komersial menghendaki penglibatan orang Melayu dalam penanaman seperti ubi kayu, tembakau, lada hitam, gambir, kopi, kelapa dan getah dalam lingkungan saiz tanah dan skala kecil-kecilan. Pada peringkat pengenalan pentadbiran British, tidak terlihat penglibatan orang Melayu secara beramai-ramai dalam sektor komersial. Sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu hanya jelas kelihatan apabila mereka mengusahakan tanaman getah pada abad ke-20.

Namun begitu, fenomena ini dihalang oleh pihak pentadbir British yang melaksanakan dasar-dasar diskriminasi untuk tidak menggalakkan orang Melayu terlibat dalam penanaman getah secara perkebunan kecil. Pihak British tidak menggalakkan perkebunan getah secara kecil-kecilan kepada orang Melayu semata-mata untuk memelihara kepentingan para pelabur

kapitalis Eropah (Nonini, 1991: 66 – 9). Malahan, pihak kolonial British telah menggunakan saluran undang-undang untuk menghalang orang-orang Melayu mengutilisasikan tanah mereka bagi tujuan tanaman getah. Kebanyakan tanah yang diwartakan sebagai Tanah Simpanan Melayu hanya dibenarkan untuk kegunaan sebagaimana yang tertera dalam sesuatu geran tanah yang kebanyakannya untuk tujuan tanaman padi dan pertanian perkampungan yang lain (Gullick, 1992: 203).

Motif ini lebih terserlah apabila Enakmen Tanah Padi telah diwartakan pada tahun 1917. Pewartaan enakmen ini sebenarnya bertujuan menghalang tanah padi digunakan untuk tanaman lain. Hal ini disebabkan kebanyakan tanah padi sebanarnya telah pun digunakan untuk tanaman getah kerana harga komoditi tersebut yang tinggi setelah meletusnya perang dunia pertama (1914 – 1918), (Lim, 1977: 19 – 20). Jadi secara praktiknya, sekiranya orang Melayu ingin terlibat dalam tanaman getah, mereka perlulah mencari tanah yang tidak diwartakan di bawah kedua-dua enakmen tersebut. Pelaksanaan enakmen ini sedikit sebanyak telah melambatkan proses transformasi orang Melayu ke arah orientasi ekonomi komersial yang lebih menjanjikan keuntungan.

Kebergantungan sektor pertanian kepada aspek kewangan juga merupakan satu unsur yang penting dalam perubahan kepada orientasi komersial. Dalam keadaan ini, kekurangan dan ketiadaan sumber kewangan sebagai modal permulaan dan pembiayaan operasinya juga merupakan faktor penghalang ke arah penambahan skel pengeluaran. Bantuan yang diperlukan biasanya merupakan bantuan kredit pertanian dan subsidi. Inilah situasi yang dihadapi oleh masyarakat petani Melayu. Mereka terpaksa bergantung kepada golongan yang telah pun terlibat dalam ekonomi wang seperti para pembesar dan kaum pendatang serta bantuan kerajaan. Dalam keadaan ini, bantuan kerajaan akan dianggap sebagai institusi yang diharapkan oleh mereka, terutama dalam aktiviti penanaman padi. Tambahan pula, kesukaran pinjaman modal untuk tujuan penanaman padi adalah kerana ia terdedah kepada risiko kegagalan dan tidak begitu selamat jika dibandingkan dengan sektor ekonomi lain yang kurang berisiko yang tidak mampu diceburi oleh golongan petani.

## **Kemudahan Kredit Pertanian**

Secara praktiknya, sumber kemudahan kredit pertanian yang diharapkan oleh kaum tani ialah skim pinjaman kerajaan. Boleh dikatakan sumber pinjaman kerajaan tidak pernah disediakan oleh pihak kerajaan pada zaman prapenjajahan. Maka, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, pihak pentadbiran British telah menyediakan beberapa skim kemudahan kredit kecil kepada para petani. Pada tahun 1884, Kerajaan Selangor telah memperuntukkan kepada setiap Pegawai Daerah di negeri itu dana tahunan berjumlah \$1,000 bagi tujuan pinjaman kepada petani. Namun begitu, dana pertanian ini telah dikurangkan melalui skim pertanian yang terkemudian. Pada tahun 1895, satu dana pinjaman pertanian di bawah bidang kuasa residen telah diwartakan di Selangor dan Perak. Skim ini memperuntukkan pinjaman sehingga \$1,000 kepada seseorang petani tetapi dana tahunan hanyalah berjumlah \$5,000. Di Negeri Sembilan pula, jumlah pinjaman individu kepada petani dihadkan kepada \$200 dan peruntukan dana tahunan hanyalah berjumlah \$1,000 (Roff, 1984: 1).

Sememangnya, jumlah dana pinjaman tersebut merupakan satu jumlah yang kecil dan tidak mungkin dapat dinikmati oleh bilangan petani yang ramai. Bahkan, dana pinjaman tersebut tidak menyebut dengan jelas ia hanya diperuntukkan kepada petani Melayu di ketiga-tiga negeri tersebut. Sebenarnya, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, terdapat pembukaan tanah yang dilakukan oleh sejumlah besar peneroka Banjar untuk penanaman padi di daerah Krian, Perak, setelah pembinaan satu skim pengairan di situ pada tahun 1895. Kebanyakan mereka merupakan penghijrah dari Jawa, Sumatera dan Borneo tetapi komuniti yang merupakan majoriti di situ ialah Banjar dari Borneo (Lim, 1976: 56 – 61). Oleh itu, pada tahun 1907, E. W. Birch, Residen Perak, telah mencadangkan penubuhan sebuah bank pertanian dengan dana berjumlah \$25,000 di negeri itu. Beliau juga telah menyarankan supaya langkah yang sama turut dilaksanakan di negeri-negeri lain (Roff, 1984: 2 – 8).

Sehubungan itu, satu skim kemudahan kredit pertanian telah diwujudkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada bulan Mei tahun 1908. Skim ini memperuntukkan pinjaman bagi membayai pembinaan perparitan bagi saliran

pengairan, pembelian kerbau dan peralatan pertanian lain, pembinaan rumah di tanah pertanian dan tujuan lain yang berkaitan bagi memajukan tanah pertanian tersebut. Pinjaman juga boleh digunakan bagi tujuan menebus semula tanah pertanian yang telah dicagar untuk mendapatkan pinjaman daripada peminjam wang. Kadar bunga pinjaman adalah antara empat dan enam peratus setahun. Kadar ini dikatakan sebagai yang paling rendah pada ketika itu.

Namun begitu, skim pinjaman ini sebenarnya juga tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para petani. Berdasarkan kepada perbendaharaan negeri Perak, kurang separuh daripada keseluruhan petani di negeri itu telah memohon pinjaman tersebut kerana kerumitan prosedur permohonan pinjaman dan jumlah kelulusan pinjaman pula adalah terlalu rendah, iaitu tidak melebihi seratus ringgit. Jumlah ini sememangnya terlalu rendah bagi menebus tanah yang dicagarkan untuk nilai gadai janji tanah. Tambahan pula, pihak pengurusan pinjaman selalunya tidak akan meluluskan jumlah maksimum biayaan sehingga 50 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai gadaian sebagaimana yang termaktub dalam prinsip peruntukan pinjaman tersebut. Sebaliknya, jumlah maksimum yang diluluskan hanyalah 30 peratus daripada nilai gadaian. Malahan, kebanyakan peminjam pula selalu lewat melunaskan pinjaman mereka yang merangkumi jumlah pinjaman termasuk bayaran bunga.<sup>1</sup>

Kemudian pada tahun 1911, satu lagi skim pinjaman pertanian telah diwujudkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Secara prinsipnya, skim pinjaman ini mengandungi syarat-syarat yang sama dengan skim terdahulu. Ia hanya mempunyai satu provisi tambahan yang berkaitan dengan gadaian. Berdasarkan kepada peraturan tambahan ini, Pegawai Daerah telah diberi kuasa untuk meluluskan sesuatu pinjaman bagi tujuan pertanian. Ia tidak boleh diberikan kepada seseorang pemohon yang bukan petani. Jumlah maksimum pinjaman pula tidak melebihi 50 peratus daripada nilai jualan gadaian tanah pertanian atau tanah yang terletak di kawasan kediaman bandar tetapi bukannya tanah terbiar.

Lazimnya, jumlah pinjaman yang diluluskan ialah \$250 bagi setiap pinjaman. Namun, pertimbangan akan diberikan sehingga \$500 bagi lebih daripada satu pinjaman kepada seseorang individu. Bagi pinjaman yang melebihi \$1,000, ia perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tempoh bayaran balik pinjaman pula tidak melebihi tiga tahun dan kadar bunganya ialah antara satu dan dua peratus sebulan (12 dan 24 peratus setahun). Sekiranya terdapat tunggakan bayaran pinjaman kerana kerosakan hasil pertanian atau kesulitan kepada projek, tempoh pinjaman boleh dilanjutkan atas budi bicara Residen.<sup>2</sup>

Selanjutnya, Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah memperluas skim pinjaman pertanian bagi membiayai tanaman padi kerana padi merupakan tanaman ruji di Tanah Melayu. Sehingga tahun 1917, jumlah pinjaman yang telah diluluskan ialah \$119,356 dan 90 peratus daripada jumlah tersebut, iaitu \$107,421 telah diperuntukkan kepada tanaman padi. Jumlah pinjaman selebihnya telah diluluskan bagi tanaman kelapa dan ternakan. Namun begitu, dikatakan para petani masih tidak dapat menikmati kemudahan pinjaman tersebut kerana kebanyakan tanah mereka tidak dapat dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman pertanian kerajaan tersebut. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka terus meminjam daripada ceti walaupun kadar bunganya jauh lebih tinggi, iaitu dua hingga tiga peratus sebulan (24 hingga 36 peratus setahun).<sup>3</sup>

Jelas di sini bahawa kewujudan skim-skim tersebut tidak menggambarkan perkembangan yang positif, malahan menimbulkan masalah kewangan lain. Lantaran itu, kebanyakan petani yang membuka tanah untuk penanaman padi ini terjerumus dalam masalah hutang seperti yang dirujuk kepada kawasan pengairan Krian di Perak. Masalah ini bertambah runcing apabila sesuatu bidang tanah itu kemudiannya terpaksa dipajak dan digadai kepada peminjam wang yang kebanyakannya adalah golongan ceti. Mereka juga kemudiannya bertindak sebagai broker tanah. Akibatnya, tanah-tanah kepunyaan orang Melayu ini telah berpindah milik kepada orang bukan Melayu yang sedia membelinya.

Situasi ini menyebabkan keluasan milikan tanah dalam kalangan orang Melayu bukan bertambah malahan berkurangan walaupun tanah mereka diklasifikasikan sebagai Tanah Simpanan Melayu. Kegagalan orang Melayu dalam menyesuaikan diri dengan keadaan baharu ini bergantung pada dua sebab. Pertama, sikap mereka yang dikatakan kurang berusaha untuk mengerjakan tanah mereka secara berterusan sehingga tanah itu menjadi tanah terbiar. Kedua, kurangnya iltizam mereka untuk meningkatkan pengeluaran dan meluaskan kawasan tanah pertanian persendirian sehingga kegiatan pertanian dan tanaman komersial hanya di peringkat perkebunan kecil (Ahmad Nazri Abdullah, 1985: 84 – 120).

### **Dilema dan Dinamisme dalam Ekonomi Wang**

Sebenarnya, pencapaian orang Melayu sangat bergantung pada kecepatan mereka terlibat dalam kegiatan ekonomi komersial walaupun mempunyai risiko. Malahan, kegiatan ekonomi sedemikian yang melibatkan wang memerlukan modal kewangan, sama ada untuk memulakan perniagaan atau kegiatan pertanian. Kegiatan pertanian merujuk kepada urus niaga pajakan dan konsesi yang memerlukan bayaran besar pada peringkat permulaan operasi. Konsep dan amalan sedemikian jarang dilakukan oleh orang Melayu. Bahkan, golongan atasan pula sering melibatkan diri dalam sektor perniagaan dan konsesi pertanian secara perkongsian dengan golongan imigran Cina.

Dari sudut kelas bawahan pula, golongan petani sememangnya tidak mempunyai kelebihan dari sudut kemudahan kewangan, terutama sumber modal sebagaimana yang dinikmati oleh golongan atasan. Sumber modal yang boleh didapati oleh mereka pada ketika itu adalah daripada pihak kerajaan. Namun begitu, mereka bukan sahaja sering dihujani dengan pelbagai masalah ekonomi yang asas tetapi masalah yang berbangkit daripada soal keagamaan. Pada awal abad ke-20, soal yang dikaitkan dengan pinjaman kerajaan dan penubuhan syarikat kerjasama di Tanah Melayu ialah pembayaran riba. Malangnya, pihak yang lebih diimplikasikan kepada isu haram riba ini adalah golongan petani yang mendapatkan pinjaman serta golongan peniaga kecil. Isu riba ini berkisar kepada penubuhan syarikat secara kerjasama atau koperasi luar bandar bagi mengatasi masalah hutang dalam kalangan orang Melayu, terutama petani. Ia merujuk kepada pembayaran dan pendapatan

faedah daripada kegiatan pemberian pinjaman syarikat kerjasama itu. Malahan, orang Melayu secara umumnya tidak digalakkan menyimpan wang di dalam bank kerana akan dianggap memberikan pinjaman kepada bank yang membawa mereka terjerumus ke dalam riba. Walau apa pun perdebatan yang dikemukakan, sukar bagi orang Melayu untuk menerima pandapat yang mengatakan faedah yang diterima bukan riba dan halal di sisi agama (Roff, 1984: 89 – 91, 93 – 6).

Sebaliknya, pada ketika itu, kita mendapati bahawa penekanan kepada aspek ekonomi daripada perspektif Islam ini tidak diaplikasikan kepada institusi-institusi ekonomi Islam yang berkaitan seperti Baitul-Mal, Zakat dan Waqf. Hal ini demikian kerana penubuhan institusi-institusi tersebut secara keseluruhannya masih di peringkat formatif dan belum meluas lagi dari segi aplikasi ekonomi. Peranan dan fungsi Baitul-Mal masih begitu samar bagi tujuan mengatasi masalah ekonomi yang berkaitan dengan kewangan. Institusi zakat umpamanya hanya tertakluk kepada tanggungjawab sosial kegamaan yang lebih menumpukan kepada kutipan dan pengagihan zakat kepada orang miskin secara keseluruhannya. Institusi haji pula hanya merupakan satu kegiatan keagamaan tetapi ia juga tidak menjurus kepada amalan tabungan secara sistematis. Malahan, institusi waqf pada ketika ini juga lebih merujuk kepada institusi-institusi keagamaan seperti masjid, madrasah dan tanah perkuburan (Yegar, 1979: 205 – 233; Hooker, 1984: 131 – 63; Hooker, 1988: 205 – 22).

Dalam konteks yang lebih luas, pendapat yang lebih konstruktif dan membina tentang kejayaan atau kegagalan kegiatan ekonomi perlu diperhalusi. Pada ketika itu, masyarakat Melayu sama ada di peringkat atasan maupun bawahan masih mencari-cari rentak untuk menyesuaikan diri dalam perubahan orientasi ekonomi kapitalis dan komersial. Secara keseluruhannya, orang Melayu memerlukan kemahiran menguruskan ekonomi mereka terutama wang, di samping berusaha secara berterusan. Namun begitu, kemahiran ini juga tidak dipunyai oleh golongan atasan yang telah pun terlibat dengan ekonomi komersial dan terpaksa bergantung pada usaha sama dengan imigran Islam dan orang Cina. Menurut pendapat Leo Suryadinata yang telah membuat kajian menyeluruh tentang masyarakat Cina di Asia Tenggara, faktor utama kejayaan imigran Cina dalam ekonomi adalah bergantung pada kecekapan pengurusan kewangan (Leo Suryadinata, 2007: 29 – 49). Jadi, kemahiran yang

sama juga perlu dippunyai atau diperoleh oleh masyarakat Melayu sekiranya mereka ingin mendapatkan atau melestarikan kejayaan dan pencapaian ekonomi yang berorientasikan komersialisme dan kapitalisme.

Walaupun masyarakat Melayu telah pun sedar dan ingin melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi yang berorientasikan wang, mereka masih terdedah dengan risiko kegagalan yang sukar dibendung. Oleh hal yang demikian, pendapatan yang bersumberkan wang perlu diperoleh daripada kegiatan yang boleh mendatangkan pendapatan tetapi kurang risiko. Bermakna, orang Melayu perlu menggunakan kesempatan bagi memindahkan potensi ekonomi bukan kewangan kepada hasil kewangan. Hal ini dapat dilihat dalam konteks khidmat perburuhan yang memberikan habuan upah seperti pembantu rumah, tukang kebun, tukang cuci, orang suruhan atau khadam dan pengawal. Bagi seseorang rakyat biasa pada ketika itu, keadaan ini dianggap mempunyai imej yang lebih baik dalam komuniti sekiranya seseorang individu bekerja dengan orang kenamaan berbanding dengan golongan petani dan nelayan.

Selain itu, mereka juga terdedah kepada pendapatan ekonomi daripada pengenalan sistem pendidikan moden dan penubuhan sektor awam yang memberikan ganjaran pendapatan dalam bentuk gaji dan elauan tetap. Keadaan ini akan mewujudkan potensi mobilisasi ekonomi secara menegak sekiranya dieksloitasi dengan baiknya. Setidak-tidaknya ia akan memberikan peluang secara teori dan praktik bagi generasi baharu golongan rakyat untuk meningkatkan diri ke peringkat kelas menengah walaupun proses ini berada pada tahap permulaan dan berjalan dengan perlahan. Satu kesan yang boleh dilihat ialah kewujudan kelas menengah seperti guru sekolah, pekerja awam, wartawan dan peniaga (Milner, 1995: 89 – 113). Bertitik tolak dari sinilah, masyarakat Melayu telah mula mempunyai satu pemikiran supaya anak-anak mereka lebih baik mendapatkan kerja dan gaji bulanan yang tetap dengan pihak kerajaan walaupun hanya berjawatan rendah seperti kerani dan pembantu am rendah yang ketika itu dikenali sebagai ‘budak pejabat.’

Tahap yang lebih tinggi hanya boleh dicapai dengan kemajuan tahap pendidikan dan taraf kelulusan yang lebih tinggi. Pencapaian ini akan membolehkan seseorang itu menjawat jawatan yang lebih tinggi kerana sistem dan orientasi baharu ini adalah berdasarkan kepada tahap pencapaian

seorang individu tanpa mengira latar belakangnya. Namun begitu, peluang sedemikian secara praktiknya lebih sukar diperoleh oleh golongan rakyat jika dibandingkan dengan golongan atasan.

Tahap permulaan yang merujuk kepada mobilisasi ekonomi kepada kelas menengah adalah perlu walaupun jawatan dan pekerjaan yang melambangkan kelas menengah yang progresif masih terhad dalam kalangan mereka. Misalnya, golongan atasan seperti Pegawai Daerah dan hakim. Namun begitu, kemunculan golongan ini tidak dapat memberikan impak yang besar dalam mempertingkatkan pencapaian ekonomi masyarakat secara keseluruhannya kerana jumlahnya adalah kecil dan terhad dalam kalangan golongan atasan. Walaupun terdapat lebih ramai individu yang menjawat jawatan rendah dalam pentadbiran kerajaan, ia juga tidak dapat memberikan impak besar dalam kemajuan ekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan sektor-sektor kerajaan termasuk perjawatan di peringkat tinggi kurang memberi impak ekonomi. Malahan, elemen ekonomi ini hanyalah merupakan aspek sampingan kerana adanya gaji, sedangkan ia lebih mempunyai nilai sosial kepada individu-individu yang berkenaan dan keluarga mereka. Oleh hal yang demikian, dapat diperhatikan bahawa kemunculan kelas pertengahan sebenarnya dibayangi oleh penekanan mereka terhadap peningkatan sosial yang ada hubungan dengan ekonomi, bukannya sektor ekonomi secara asasnya.

Perkara ini berbeza sekiranya terdapat lebih ramai individu yang menceburkan diri dalam sektor perladangan komersial, perniagaan dan perdagangan. Hal ini demikian kerana sektor-sektor tersebut dikatakan mempunyai impak ekonomi yang tinggi dalam ekonomi bukan sahaja pada zaman kapitalisme, malahan sebelum kemunculan ekonomi moden lagi.

Boleh dikatakan bahawa penglibatan orang Melayu dalam bidang profesional seperti guaman, perakaunan dan kedoktoran terlalu sukar dikesan melainkan dirujuk pada individu yang berdarah campur dengan kaum imigran Islam terutama golongan Arab Syed. Dalam aspek guaman misalnya, dapat dilihat kegiatan Syed Umar al-Sagoff & Co. dan Syed Noah al-Habshee yang melibatkan diri dalam perkhidmatan peguam bela, peguam cara, serta memiliki lesen penolong penaksir di Johor Bahru.<sup>4</sup> Selain itu, interaksi ekonomi orang Melayu dengan kumpulan imigran Islam seperti golongan

India-Muslim dan Arab membantu ke arah tercetusnya proses transisi ini. Hubungan ini umpamanya mewujudkan institusi-institusi Islam yang khusus seperti wakaf dan pengurusan haji yang eksklusif walaupun didominasi oleh kaum imigran tersebut.<sup>5</sup>

Keadaan sedemikian wujud kerana golongan imigran tersebut lebih rapat dengan golongan pemerintah Melayu dan penjajah British. Kejayaan keluarga Syed al-Sagoff di Johor misalnya adalah kerana mereka mempunyai hubungan ekonomi yang rapat dengan Sultan Johor. Hal ini boleh dilihat daripada hubungan rapat yang terjalin antara Syed Omar al-Sagoff dengan Sultan Abu Bakar semenjak tahun 1860-an sehingga wujudnya konsesi al-Sagoff di Kukup Pontian. Di Johor, golongan al-Sagoff ini lebih dikenali sebagai ‘Nongcik’ yang mempunyai hartanah yang agak luas di Johor Bahru. Golongan al-Sagoff bersama-sama keluarga Arab Syed yang lain juga mempunyai hubungan rapat dengan pihak British di Negeri-Negeri Selat terutama di Singapura. Kedudukan mereka ini memberikan peluang ekonomi yang luas dan ia juga menyediakan tapak yang baik kepada mereka untuk terlibat dalam sektor profesional.

Lazimnya, sektor profesional bukan sahaja melambangkan pencapaian kedudukan sosial yang tinggi dalam masyarakat tetapi juga merupakan pemangkin kepada pencapaian tahap ekonomi yang lebih tinggi berbanding dengan jawatan pegawai kerajaan. Golongan profesional juga memberi kelebihan yang sama dengan golongan kapitalis dari segi peluang mempertingkatkan pencapaian ekonomi dan taraf sosial mereka dari peringkat menengah ke peringkat atasan. Fenomena ini merupakan faktor yang relevan kepada semua masyarakat yang mengalami proses transisi ke zaman moden. Kewujudan golongan ini dalam kalangan masyarakat peribumi dianggap penting untuk mencapai kemajuan masyarakat tersebut. Bermakna, semakin ramai individu yang berjaya menceburi sektor profesional dan perniagaan berskala besar, semakin besarlah impak kemajuan ekonomi sesebuah komuniti atau masyarakat. Namun begitu, golongan yang selalunya cepat menyesuaikan diri dengan keadaan sedemikian adalah golongan imigran dan bukannya masyarakat tempatan, terutama kelas bawahan. Justeru, ekonomi masyarakat tempatan terus didominasi oleh golongan imigran.

## Kesimpulan

Secara umumnya, perlu ditegaskan bahawa proses perubahan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu bagi jangka masa pertengahan kedua abad ke-19 dan pertengahan pertama abad ke-20 sebenarnya merupakan proses peralihan atau transisi. Kesimpulan ini adalah berdasarkan kepada perubahan yang perlana daripada tradisional kepada kapitalisme yang secara khususnya merujuk kepada komersialisme dalam struktur dan orientasi ekonomi masyarakat Melayu. Namun begitu, proses transisi ini sebenarnya merupakan satu proses yang penting bagi mentransformasikan ekonomi masyarakat Melayu kepada satu peringkat yang lebih baik dan progresif dari zaman prapenjajahan.

Dalam konteks pertengahan abad ke-19, ciri-ciri dan orientasi ekonomi masyarakat Melayu tradisional yang bersandarkan kepada ekonomi sara diri masih berleluasa dalam kalangan majoriti rakyat yang sebahagian besarnya bekerja sebagai petani dan nelayan. Satu mekanisme utama yang boleh diutilisasikan oleh mereka bagi mengorak langkah awal ke arah progresif ini ialah menterjemahkan aspek ekonomi bukan kewangan kepada nilai wang. Mekanisme bukan kewangan ini dilihat dalam bentuk tenaga buruh persendirian yang digunakan untuk penerokaan tanah yang boleh diperoleh dengan mudah dan secara percuma ketika itu.

Di sinilah masyarakat Melayu lazimnya dikaitkan dengan kegiatan pertanian terutama penanaman padi. Seterusnya, mereka juga perlu peka dan berusaha untuk menjadi progresif bagi mentransformasikan aktiviti ekonomi pertanian kepada orientasi komersial. Namun begitu, sektor pertanian terutamanya padi dalam kalangan masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan gambaran regresif kerana masalahkekangan sumber pembiayaan kewangan. Masalah yang sering menjadi isu penting pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 ialah masalah hutang dan kehilangan hak milik tanah kepada golongan ceti atau peminjam wang.

Sementara itu, masyarakat Melayu secara keseluruhannya seolah-olah tidak menikmati faedah daripada penguasaan ekonomi oleh golongan atasan dalam kalangan mereka. Golongan atasan ini sebenarnya merupakan minoriti masyarakat Melayu yang telah terdedah kepada ekonomi wang dan mendapat peluang dalam proses transformasi ke arah kapitalisme dan komersialisme. Mereka lebih berminat menjalin usaha sama ekonomi dengan komuniti imigran dan Eropah yang telah terdedah kepada orientasi kapitalisme pada abad ke-19.

Dalam komuniti imigran tersebut, terdapat dua golongan yang rapat dengan masyarakat Melayu, iaitu golongan Arab dan India-Muslim yang bukan sahaja menguasai ekonomi perdagangan dan perniagaan tetapi juga bidang kerjaya profesional. Kegiatan ekonomi tersebut merupakan sektor yang berkait dengan ekonomi wang yang sangat sukar untuk dicapai dan dinikmati oleh masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Peluang penglibatan dalam ekonomi wang ini merupakan satu aspek yang asas dalam proses transformasi ekonomi kapitalisme.

## **Nota**

- <sup>1</sup> Extract from the Report and Proceedings of the Committee appointed by the Chief Secretary, Federated Malay States, to consider why the System of Small Loans to Native Agriculturalists had failed in Perak, July 1911, Kuala Lumpur: Government Printing Office, 1912, Arkib Negara Malaysia (ANM).
- <sup>2</sup> *Agricultural Loan Fund Rules*, 24 November 1911, Kuala Lumpur: Government Printing Office, 1911, ANM.
- <sup>3</sup> *Report on the Advisability of Establishing Agricultural Banks or Co-operative Societies in the Federated Malay States*, General Committee of F.M.S. Chamber of Commerce, Kuala Lumpur: 1918, ANM.
- <sup>4</sup> *Singapore and Straits Directory (SSD)* 1910, hlm. 40 dan *SSD*, 1912, hlm. 48, Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), London.
- <sup>5</sup> Brief History of Alsagoff Concession Kukub, 25 Mac 1924, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor Bahru (ANMcJB).

## Rujukan

- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). *Melayu dan tanah: Tumpuan khusus kepada tanah simpanan Melayu*. Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Bach, Robert. (1976). Historical patterns of capitalist penetration in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*.
- Clifford, Hugh. (1992). *Report of an expedition into Terengganu and Kelantan in 1895*. Kuala Lumpur: MBRAS REPRINT No. 13. (cetakan pertama yang telah diterbitkan dalam the Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Volume 34. Part I, (No. 193), 1961).
- Ding Eing Tan Soo Hai. (1963). *The rice industry in Malaya 1920 – 40*. Singapura: Malaya Publishing House.
- Drabble, John H. (2000). *An economic history of Malaysia, c. 1800 – 1990: The transition to economic growth*. London: Macmillan Press Ltd.
- Ekelund, Robert B. Jr. & Hebert, Robert F. (2007). *A history of economic theory and method*. (Cetakan pertama 1997) Edisi kelima. Long Grove, Illinois: Wave land Press, Inc.
- Elson, R. E. (1997). *The end of the peasantry in Southeast Asia: A social and economic history of peasant livelihood, 1800 – 1990s*. London: Macmillan Press Ltd.
- Fine, Ben & Saad-Filho, Alfredo. (Eds.). (2012). *The Elgar companion to Marxist economics*. Cheltenham & Massachusetts: Edward Elgar Publishing Limited.
- Gullick, J. M. (1991). *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Singapura: Oxford University Press.
- Gullick, J. M. (1992). *Rulers and residents: Influence and power in the Malay States 1870 – 1920*. Singapore: Oxford University Press.
- Hill, Ronald D. (1982). The history of rice cultivation in Melaka. Dlm. Sandhu & Wheatley. (Eds.). *Melaka: The Transformation of Malay Capital C. 1400 – 1980*, Jil. 1. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hill, Titos Heslop. (1879). *Reports on Johor*. Singapura: Straits Times.
- Hooker, M. B. (1984). *Islamic Law in South-East Asia*. Singapura: Oxford University Press.
- Hooker, M. B. (1988). *Islam in Southeast Asia*. Leiden: E.J. Brill, Second Impression.
- Jomo Kwame Sundaram. (1986). *A question of class: Capital, the state, and uneven development in Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. (1972). *The Western Malay States: The effects of commercial development on Malay politics, 1850 – 1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. (1992). *Malay society: Transformation and democratisation*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Kratoska, Paul H. (1982). Land law and land tenure in British Melaka. Dlm. K. S. Sandhu & Paul Wheatley. (Eds). *Melaka: The transformation of Malay Capital C. 1400 – 1980*, Jil. 1. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 500 – 20.

- Leo Suryadinata. (2007). *Understanding the ethnic Chinese in Southeast Asia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Lim Chong Yah. (1967). *Economic development of modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lim Teck Ghee. (1976). *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874 – 1897*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lim Teck Ghee. (1977). *Peasants and their agricultural economy in colonial Malaya 1874 – 1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Milner, A. C. (1995). *The invention of politics in colonial Malaya: Contesting nationalism and the expansion of the public sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd. Fadzil Othman. (1980). *Kisah pelayaran Mohammed Ibrahim Munsyi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nonini, Donald M. (1991). *British colonial rule and the resistance of the Malay peasantry, 1900 –1957*, Monograph Series 38. Yale: Yale University Press.
- North, Douglass C. (2005). *Understanding the process of economic change*. Princeton & Oxford: Princeton University Press.
- Perry, Matt. (2002). *Marxism and history*. Hounds mills & New York: Palgrave.
- Putucharey, J. J. (2004). *Ownership and control in the Malayan economy: A study of the structure of ownership and control and its effects on the development of secondary industries and economic growth in Malaya and Singapore*. Petaling Jaya: Insan, Edisi ketiga, 2004. (Cetakan pertama, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1960).
- Roff, William R. (1984). *Kerjasama dan koperasi di Semenanjung 1910 – 1941: Petikan dari bahan-bahan terbitan sezaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sadka, E. (1968). *The protected Malay States 1874 – 1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sharom Ahmad. (1984). *Tradition and change in a Malay State: A study of the economic and political development of Kedah 1878 – 1923*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS) Monograph no. 12.
- Trotsky, C. A. (1979). *Prince of pirates: The Temenggongs and the development of Johor and Singapore 1784 – 1885*. Singapore: Singapore University Press.
- Yegar, Moshe. (1975). The abolition of servitude in British Malaya: An historical analysis. Dlm. *Israel Yearbook on Human Rights*. Tel Aviv: Vol. 5, hlm. 204 – 215.
- Yegar, Moshe. (1979). *Islam and Islamic institution in British Malaya*. Jerusalem: Hebrew University Press.

